

NO. SOALAN : 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]

**TARIKH JAWAPAN : 11 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) Bilakah jangkaan pembinaan Loji Air Langat 2 akan dilaksanakan dan apakah masalah yang dihadapi oleh Kementerian bagi memulakan kerja-kerja ini; dan
- (b) Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi kemerosotan paras air yang kritikal di empangan-empangan sekitar Lembah Kelang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 24

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tahap rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor mengenai Projek Air Langat dan apakah implikasi sekiranya projek ini ditangguhkan lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 25

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian telah mendapat kebenaran bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk memulakan projek Langat 2. Adakah kebenaran bertulis itu bersyarat dan jika demikian, adakah Kementerian memenuhi syarat-syarat terkandung.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 23

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian akibat daripada kemerosotan empangan yang kritikal di Lembah Klang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

**TARIKH JAWAPAN : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 44

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor berhubung Loji Rawatan Air Langat 2, memandangkan terowong penyaluran air dari Pahang ke Selangor bernilai kira-kira RM3 bilion dijangka siap bulan Mei ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

**TARIKH JAWAPAN : 8 APRIL 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 50

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini penstrukturran semula air di Selangor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 57

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kedudukan terkini penstrukturran semula industri pembekalan air di negeri Selangor dan sama ada pihak Kerajaan akan menggunakan Klausu 114 dalam Akta WSIA untuk mengambil alih syarikat-syarikat berkenaan seperti yang dijanjikan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

**TARIKH JAWAPAN : 24 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 76

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab Kerajaan Pusat tidak menghendaki rundingan pembelian syarikat air oleh Kerajaan Negeri Selangor dibawa ke Timbang Tara Antarabangsa. Apakah faktor yang menyumbang kepada ketegangan dalam rundingan pembelian 4 syarikat oleh Kerajaan Negeri Selangor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

**TARIKH JAWAPAN : 1 APRIL 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 76

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bila kementerian akan memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi air Selangor dan apakah metodologi penilaian yang dicadangkan untuk digunakan untuk mengira pampasan bagi pengambilalihan aset.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 76

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status kini mengenai penstrukturran semula sistem air di negeri Selangor yang dikatakan akan dimuktamadkan pada 1 Januari 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan sembilan pertanyaan lain yang berkaitan dengan isu-isu perkhidmatan bekalan air negeri Selangor iaitu daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam pada 11 Mac 2014, Kelana Jaya pada 11 Mac dan 1 April 2014, Petaling Jaya Utara pada 18 Mac 2014, Pulai dan Seputeh pada 24 Mac 2014, Klang pada 3 April 2014, Shah Alam pada 8 April 2014 dan Wangsa Maju pada 10 April 2014.

Tuan Yang Dipertua,

2. Kedudukan bekalan air yang meruncing di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya pada masa ini adalah disebabkan oleh kekurangan sumber air mentah. Keadaan cuaca yang panas dan kering sejak awal tahun telah menyebabkan paras simpanan air di empangan-empangan semakin merosot hingga mencapai tahap kritikal. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri Selangor sebagai pihak yang bertanggung jawab terhadap pengurusan

sumber air, telah membuat keputusan untuk mengurangkan pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Klang Gate untuk memanjangkan tempoh simpanan air di empangan-empangan tersebut. Kesannya, jumlah air terawat yang dibekalkan kepada para pengguna terpaksa dikurangkan dimana operator-operator air terpaksa melaksanakan pengagihan air secara berjadual bagi kawasan-kawasan yang terjejas.

3. Bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor menangani masalah ini, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Meteorologi Malaysia bersedia untuk melaksanakan pemberian awan di kawasan-kawasan tadahan air yang terlibat bagi meningkatkan paras simpanan air di empangan yang terletak di kawasan-kawasan tersebut. Saya difahamkan bahawa Jabatan Meteorologi Malaysia telah melaksanakan operasi pemberian awan pada hari Isnin, 3 Mac 2014 bagi meningkatkan paras air di kawasan tadahan dan empangan di negeri Selangor meliputi kawasan Hulu Langat, Kuala Kubu Baru, Hulu Klang, Gombak dan Semenyih. Usaha ini akan diteruskan bukan sahaja di negeri Selangor, malah di beberapa buah negeri lain yang menghadapi masalah yang sama bergantung kepada kesesuaian pelaksanaannya.

4. Krisis bekalan air yang sedang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya perlu mempelbagaikan sumber air mentah untuk mengurangkan kebergantungan yang terlalu tinggi terhadap Sungai Selangor sebagai sumber air mentah. Pelaksanaan Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor merupakan langkah jangka panjang yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah ini. Namun begitu, pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2) yang merupakan sebahagian daripada skim tersebut, telah tertangguh selama lebih dari 3 tahun disebabkan Kerajaan Negeri Selangor tidak memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi melaksanakan projek tersebut.

5. Namun, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini pada hari ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor akhirnya telah bersetuju memberi kelulusan Kebenaran Merancang untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan meneruskan pelaksanaan projek LRAL2. Persetujuan ini merupakan salah satu daripada terma utama yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Berhubung Penstrukturkan Semula Industri Bekalan Air Negeri Selangor yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014

dalam usaha untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu air Selangor yang telah berlarutan sejak tahun 2008.

6. Selain daripada penyelesaian bagi projek LRAL2, MoU tersebut juga turut menggariskan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut. Melalui MoU ini, Kerajaan Persekutuan akan menjadi pemudah cara bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor melalui penggabungan syarikat-syarikat konsesi. Dengan komitmen yang diberikan oleh kedua-dua pihak di dalam MoU tersebut, adalah diharapkan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor dapat dimuktamadkan dalam waktu terdekat ini.

7. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dalam mencapai persepakatan ini. Saya yakin pemeteraian MoU ini akan membuka lembaran baru dalam penyelesaian isu air Selangor yang

seterusnya akan memastikan bekalan air yang terjamin kepada rakyat negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
